

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 05 Julai 2021 14:06
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: BERITA KAMPUS



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

5 JULY 2021 / 24 ZULKAEDAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

UUM ONLINE:





School of Hard Knocks dan penyerahan watak pelantikan Fakulti Industri UUM oleh Menteri Pengajian Tinggi

SINTOK - Universiti Utara Malaysia (UUM) melakar sejarah tersendiri apabila Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad melancarkan School of Hard Knocks (SoHK) dan menyerahkan watak pelantikan Fakulti Industri yang diketuai oleh Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC), Universiti Utara Malaysia (UUM) secara dalam talian Ahad lalu.

Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dalam ucapan perasmian secara maya menggunakan spikasi Zoom berkata pujian harus diberikan kepada UUM terutamanya dalam cabaran yang dihadapi akibat pandemik COVID-19 pihak CUIC-UUM telah melakukan perubahan drastik seiring dengan perubahan teknik pengajaran dan pembelajaran kind.

Oleh itu inisiatif yang diambil untuk menyediakan graduan yang memiliki kemahiran industri yang spesifik dalam pelbagai disiplin ilmu sesungguhnya merupakan keperluan pembangunan modal insan negara yang merangkumi keupayaan berfikir aras tinggi, pegangan yang teguh kepada nilai, etika dan elemen kerohanian.

Katanya, penyesuaian kepada norma baharu dan perkembangan senario global ini menunjukkan ekosistem pendidikan perlu berubah secara holistik bagi memastikan kebolehpasaran graduan yang lestari dalam menghasilkan tenaga mahir yang lebih kompeten.

Dalam konteks ini beliau berkata, UUM mengambil fikiran betul dengan mendedahkan pelajarinya kepada empat elemen utama untuk dikuasai oleh graduan, iaitu pemikiran kritis, penyelesaian masalah, komunikasi, kolaborasi dan kreativiti dunia baru.

Semua elemen ini perlu digilap dalam setiap aspek terkini kehidupan mahasiswa sama ada bersemuka atau secara maya agar pelajar berkebolehan untuk terus bersaing dan mempunyai daya tahan yang tinggi.

Pihak Kementerian katanya akan membantu pelajar melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi atau PENJANA KPT-CAP bagi menangani cabaran kebolehpasaran graduan dan mengurangkan pengangguran akibat wabak COVID-19.

Graduan yang terpilih itu akan mengikuti program di bawah PENJANA KPT-CAP dan berpeluang untuk meningkatkan kemahiran serta mendapat penempatan pekerjaan setelah tamat program nanti.

"Memerusi kaedah yang dilaksanakan oleh UUM ini pastinya membolehkan pelajar-pelajarnya dapat mengembangkan bakat dan memenuhi peluang pekerjaan nanti,"ujar beliau lagi.

Dalam pada itu Naib Canselor UUM Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani dalam ucapan aluannya berkata, inisiatif penubuhan SoHK ini dilihat menjadi penanda aras untuk penglibatan Universiti Awam (UA) dengan pihak industri, khususnya dari segi kesiapsiagaan pelajar sebelum menempuh alam kerja yang sebenar.

SoHK ini dilihat sebagai satu medium yang memberi nilai tambah dalam memperkukuhkan pengetahuan sedia ada dikalangan pelajar dari program akademik UUM.

Pelajar yang terlibat akan diberi peluang untuk aktif dalam segala bentuk cara kerja di organisasi terpilih, di mana pelajar-pelajar ini akan menerima latihan dan diberi gelaran sebagai 'Padawan.'

Mereka ini seterusnya akan menerima sijil pengiktirafan setelah tamat program melalui organisasi yang mereka sertai nanti.

Untuk fasa pertama, seramai 25 pelajar dari pelbagai latar belakang program pengajian ditempatkan di Vitrox Corporation Bhd dan dilatih dengan kemahiran spesifik industri oleh pakar industri yang dilantik.

Program ini turut membuka peluang kepada pelajar untuk mendapatkan penempatan praktikum serta pekerjaan, di samping menyokong agenda kebolehpasaran siswazah oleh UUM dan KPT sambil membantu membangunkan tenaga kerja yang berdaya tahan di era dunia baharu ini.

"Kaedah baru kerjasama antara UUM dan industri ini pastinya dapat meningkatkan dan membentuk semula paradigma para pelajar untuk dunia baru," ujar beliau lagi.

Katanya secara tidak langsung, program ini menyediakan platform bagi pelajar UUM untuk terlibat secara aktif dengan industri seawal semester lima dan membuka peluang kepada mereka untuk mendapatkan penempatan praktikum serta pekerjaan di masa depan.

Sementara itu seorang 'padawan' program, Hemaviknesh Supramaniam pelajar Semester enam dari Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMP) yang dihubungi berkata, penyerahannya dalam SoHK adalah untuk memperkayakan kemahiran sedia ada, selain ingin mendapatkan pendedahan sebenar tentang dunia pekerjaan daripada pihak industri.

"Saya memperoleh banyak ilmu daripada pihak Vitrox yang saya sertai dan menggalakan lebih ramai rakan-rakan di kampus ini untuk turut menyertai SoHK,"ujarnya lagi.

Di majlis ini juga 10 industri telah menerima watak pelantikan sebagai Fakulti Industri iaitu TalentCorp Malaysia Berhad, Lembaga Tabung Haji, PETRONAS Berhad, Maybank Berhad, Microsoft Malaysia Sdn Bhd, PKT Logistics Group Sdn Bhd, Vitrox Corporation Berhad, NTV7, Zurich Takaful Malaysia Berhad dan KPMG Malaysia.

Sementara itu Pengarah CUIC, Dr. Shahrina Othman yang dihubungi juga berharap usaha yang dijalankan ini dapat membuka ruang kepada pemain industri untuk bersama-sama membimbing pelajar yang menajumi latihan industri agar lebih bersedia menghadapi dunia praktikum dengan lebih berkeyakinan, selain membuka peluang pekerjaan kepada mereka.







PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR ABDUL GHANI
VICE-CHANCELLOR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



DATUK SRI DR. NORAINI AHMAD
MENTERI PENGAJIAN TINGGI



ATIQ NURUL HUDA HANIFF
Asst. Chief Human Capital Officer (Group Lead)
Asst. Professor SST, UUM
Asst. Managing Director (SST) UUM



RIHANA MARYANTI MOHD KHAMLI
Asst. Group HR
Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMP)



FAUZI JENI MENG
President & Chief Executive Officer
Vitrox Corporation Berhad



THOMAS HATWEN
Group Chief Executive Officer
TalentCorp Malaysia



RIHA SARIF
Chief Human Capital Officer
Lembaga Tabung Haji



What's Happen



☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049

☎ 04-928 3053

✉ ukkuum@uum.edu.my

📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)

 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.